

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

SBU 202 -Sejarah Sosial Malaysia

Tarikh : 4 April 1988

Masa : 9.00 pagi - 12.00 t/hari
[3 jam]

Jawab TIGA soalan sahaja dengan memilih SATU soalan dari setiap Bahagian.

Bahagian A [30 markah]

(Jawab SATU soalan sahaja)

1. Kebelakangan ini banyak sarjana berpendapat bahawa sejarah dan sosiologi perlu dipereratkan lagi kerana ia boleh menolong memahami masyarakat dengan lebih baik. Huraikan perkembangan perkongsian ini mengikut pandangan tiga orang pengarang antaranya termasuklah Braudel, Wallerstein, Carr, Hobsbawn, Annouar Abdel Malek, Hindess dan Hirst.
2. Masalah 'transition' (peralihan) merupakan satu isu besar dalam kajian sejarah kemasyarakatan. Bagaimana konsep 'ragam pengeluaran' boleh menyumbang dalam menjelaskan persoalan ini dengan mengambil contoh "peralihan feudalisme kepada kapitalisme" di Eropah Barat. Beri komen anda tentang masalah peralihan di Semenanjung Malaysia.
3. Apakah isu-isu penting dalam persoalan mengenai Sejarah Sosial Malaysia? Perbincangan anda mesti mengandungi pendapat tokoh-tokoh tempatan dan Barat yang sering menimbulkan persoalan ini. Adakah orientalisme sebahagian dari masalah yang dihadapi oleh pengkaji-pengkaji Sejarah Malaysia?
4. Nyatakan teori-teori mengenai masyarakat di sebalik tulisan-tulisan ahli sejarah. Selepas itu huraikan teori-teori kemasyarakatan di sebalik debat mengenai 'Sistem Politik Tradisional' di antara Gullick dan Milner. Di mana pula kedudukan Harun Daud dan Khoo Kay Kim mengenai masalah yang sama.

...2/-

Bahagian B [30 markah]

(Jawab SATU soalan sahaja)

5. Huraikan kesatuan dunia Melayu dari zaman pra-sejarah hinggalah ke zaman Funan, Srivijaya dan Majapahit. Sejauhmanakah unsur-unsur kesatuan ini dapat dilihat dalam masyarakat Melayu Semenanjung hari ini.

6. Negara dalam konteks sistem antara-negara ala Wallerstein telah wujud di dunia Melayu pada abad 16 dan 17. Jelaskan asas-asas penubuhannya dan huraikan sistem politik yang wujud dengan berpandukan kepada sebuah Kesultanan Melayu abad yang sama. Adakah pandangan ini sama dengan pendapat A.C. Milner dan J.M. Gullick?

7. Orang kaya muncul dengan pesatnya dalam abad 16 dan 17 dan memainkan peranan yang penting dalam politik, perdagangan dan hubungan antarabangsa. Huraikan sumbangan mereka dengan berpandukan sejarah-sejarah Kesultanan yang muncul pada abad ini.

8. Ragam pengeluaran kapitalisme hanya boleh bermula bila ada perubahan dalam hubungan sosial pengeluaran. Dengan berpandukan kepada sebuah daerah di dunia Melayu huraikan gelombang yang berlaku di dunia Melayu dari segi pengeluaran, perdagangan dan sistem buruh pada abad 16 dan 17. Dapatkah kita simpulkan bahawa kapitalisme telah muncul pada waktu ini?

...3/-

Bahagian C [40 markah]

(Jawab SATU soalan sahaja)

9. Pengarang seperti Robert Bach, P.L. Burns dan Jomo Sundaram telah menketengahkan tiga perspektif mengenai kemunculan kapitalisme dan hubungannya dengan kolonialisme. Apakah perspektif-perspektif ini dan kelemahan-kelemahannya yang ketara? Jelaskan implikasi yang sebenarnya yang dibawa oleh kolonialisme terhadap satu dari sektor berikut; kaum tani, buruh lombong, negara kolonial atau masyarakat saudagar.

10. Jelaskan pembentukan kelas di Semenanjung sejak 1945 dan apakah pengaruhnya ke atas negara lepasan jajahan. Apakah kontradiksi-kontradiksi yang wujud dengan menghuraikan peranan 'ras', 'nasionalisme' dan 'Islam'?

11. Apakah implikasi dari rancangan luar bandar dan pembangunan tanah terhadap kaum tani dalam konteks proses peminggiran yang berlaku di Semenanjung sejak 1945. Nyatakan pandangan-pandangan yang berbeda-beda mengenai perkara ini. Bagaimanakah ia menentukan politik penentangan kaum tani dengan memberi contoh-contoh yang konkrit.

- oooOooo -